

## Cadang tambah Rumah Rakyat Pahang - MB

BERNAMA



Wan Rosdy menyerahkan surat tawaran kepada penerima, pada Majlis Penyerahan Surat Hakmilik, Surat Kelulusan dan Notis 5A Skim Tanah Rakyat Serta Surat Tawaran Penerima RRP Fasa 2B, Daerah Maran, di Dewan Komuniti Kampung Kuala Sentul. FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG

Maran: Kerajaan Negeri Pahang bercadang untuk menambah bilangan Rumah Rakyat Pahang (RRP) tahun hadapan bagi membantu golongan yang memerlukan untuk memiliki rumah sendiri.

Bagaimanapun Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata cadangan itu akan dilaksanakan sekiranya sasaran kutipan hasil kerajaan negeri sebanyak RM1 bilion tahun ini berjaya dicapai.

"Bergantung kepada kedudukan kewangan negeri, saya bagi jaminan kalau dapat RM1 bilion (kutipan hasil) kita akan tambah," katanya pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Surat Hak Milik, Surat dan Notis 5A Skim Tanah Rakyat serta Surat Tawaran Penerima RRP Fasa 2B Daerah Maran di Dewan Serbaguna Kampung Kuala Sentul di sini hari ini.

Hadir sama Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merangkap Ahli Parlimen Maran Datuk Seri Dr Ismail Abd Muttalib.

Kerajaan negeri telah memperuntukkan RM19.95 juta bagi membina 266 unit RRP tahun ini iaitu setiap kawasan Parlimen diperuntukkan satu RRP manakala enam RRP bagi kawasan Dewan Undangan Negeri.

Mengulas mengenai tahap kemajuan pembinaan RRP berkenaan, Wan Rosdy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Jelai, berkata setakat ini ia berjalan dengan baik.

**Disiarkan pada: Jun 17, 2022 @ 7:33pm**